

Perkembangan Penanaman Padi di Kelantan (1970-1990)

Fakhrul Azeem bin Ismail @ Abdul Rahman

Sekolah Menengah Kebangsaan Tinggi Kajang,
Jalan Semenyih, Bandar Kajang, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia

Correspondence: Fakhrul Azeem bin Ismail@ Abdul Rahman (email:fazeemexe@gmail.com)

Received: 01 Sept. 2025; **Revised:** 10 Dec. 2025; **Accepted:** 20 Dec. 2025; **Published:** 29 Dec. 2025

To cite this article (APA): Ismail @ Abdul Rahman, F. A. (2025). Perkembangan Penanaman Padi di Kelantan (1970-1990). Munsyi Jurnal Pengajian Sejarah, 3(2), 69-80. <https://doi.org/10.37134/munsyi.vol3.2.5.2025>

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji sejarah perkembangan penanaman padi di Kelantan dari tahun 1970 hingga 1990. Fokus kajian ini adalah untuk menganalisis perkembangan padi dan faktor perkembangan kerana ia merupakan tanaman utama di Kelantan pada ketika itu. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang melibatkan kritikan, pentafsiran dan penulisan sejarah. Sumber primer diperoleh daripada Jabatan Pertanian Negeri Kelantan, dan Arkib Negara Malaysia cawangan Kelantan. Selain itu, sumber daripada temu bual juga turut digunakan. Sumber sekunder pula terdiri daripada jurnal, buku, majalah, dan tesis yang diperoleh dari perpustakaan dan juga di atas talian. Hasil kajian mendapati bahawa berlaku perkembangan yang signifikan sepanjang tempoh pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB). Ia ditandai dengan pengenalan penanaman padi dua kali setahun. Kesan daripada penanaman padi dua kali setahun tersebut menyebabkan corak pertanian di Kelantan mengalami perubahan dan perkembangan yang pesat. Selain itu, penanaman padi dipengaruhi oleh perubahan cuaca dan serangan serangga perosak. Namun dalam kes di Kelantan, masalah serangga agak kecil jika dibandingkan dengan ancaman hujan lebat dan banjir. Kajian ini menunjukkan perkembangan pertanian sangat dipengaruhi oleh cuaca dan tindakan untuk menyelamatkan hasil tanaman padi hanya akan berkesan jika kaedah untuk mengatasi ancaman bencana alam seperti banjir dapat dilakukan dengan baik.

Kata Kunci: Banjir, Cuaca, Kelantan, Penanaman Padi, Pertanian

Abstract

This study aims to examine the historical development of rice cultivation in Kelantan from 1970 to 1990. The focus of this study is to analyse the progress of rice cultivation and the factors contributing to its development, as rice was the primary crop in Kelantan during this period. This study adopts a qualitative methodology involving historical criticism, interpretation, and historiographical writing. Primary sources were obtained from the Kelantan State Department of Agriculture and the Kelantan branch of the National Archives of Malaysia. In addition, data from interviews were also utilised. Secondary sources consist of journals, books, magazines, and theses acquired from libraries and online platforms. The findings indicate that significant development occurred throughout the implementation period of the New Economic Policy (NEP). This development was marked by the introduction of double-cropping rice cultivation.

As a result of the adoption of double-cropping practices, agricultural patterns in Kelantan underwent rapid transformation and expansion. Furthermore, rice cultivation was influenced by climatic variations and pest infestations. However, in the case of Kelantan, pest-related problems were relatively minor compared to the threats posed by heavy rainfall and flooding. This study demonstrates that agricultural development is strongly influenced by climatic conditions, and that efforts to safeguard rice yields can only be effective if appropriate measures to mitigate natural hazards, particularly flooding, are properly implemented.

Keywords: *Flooding, Climate, Kelantan, Rice Cultivation, Agriculture*

Pengenalan

Pada abad ke-20, padi merupakan tanaman utama dan sumber ekonomi penting di Kelantan. Ia juga diusahakan oleh ramai pesawah di Kelantan kerana beras adalah makanan ruji kepada masyarakat yang mempunyai permintaan sepanjang masa. Dasar Ekonomi Baru (DEB yang diperkenalkan dalam tempoh kajian ini menyumbang kepada peningkatan yang signifikan dalam sejarah perkembangan penanaman padi di Kelantan. Makalah ini membincangkan perkembangan penanaman padi di Kelantan berasaskan kepada dua peringkat. Peringkat pertama merujuk kepada era 1970-an. Ia dibahagikan kepada fasa pertama bermula pada 1970-1975 yang dianggap sebagai tempoh awal transformasi pertanian padi di Kelantan. Sepanjang tempoh ini, banyak peningkatan yang berlaku dalam pengeluaran hasil padi. Fasa kedua dalam peringkat pertama ini, merujuk kepada tahun 1975 hingga 1980. Ia merupakan era yang penting kerana pesawah padi Kelantan mula menggunakan alatan dan jentera moden. Peringkat kedua dalam kajian ini merujuk kepada tahun 1980-1990, yang mana perkembangan pertanian padi mencapai zaman kemuncaknya dengan sokongan proaktif agensi kerajaan yang bertanggungjawab seperti KADA dan MARDI.

Latar Belakang

Berdasarkan pemerhatiannya semasa menjadi pegawai kolonial di Tanah Melayu, Winstedt di dalam bukunya yang diterbitkan pada 1961 menyatakan bahawa “kegiatan ekonomi orang Melayu yang terpenting ialah tanaman padi”.¹ Kenyataan yang dikeluarkan oleh Winstedt itu, masih kekal relevan dalam tempoh kajian ini. Ini kerana kajian Selvadurai pada 1972 menyatakan bahawa majoriti pesawah padi di Malaysia adalah orang Melayu. Selvadurai menyatakan bahawa terdapat 300 000 buah keluarga yang bergantung hidup kepada aktiviti pertanian padi dan 97 peratus daripada pesawah berkenaan adalah orang Melayu.² Salah satu daripada faktor yang menyumbang kepada perkara tersebut adalah keadaan muka bumi. Ramai dalam kalangan penduduk di negeri Kelantan, Kedah, Terengganu dan Pahang bertumpu di kawasan lembah sungai yang besar dan subur.³ Penduduk Kelantan yang tinggal di kawasan tanah pamah yang luas dan subur terdorong untuk menjadi petani atau pesawah. Pesawah padi menjadi salah satu daripada pilihan pekerjaan yang lazim dalam kalangan penduduk Kelantan kerana permintaan beras sentiasa stabil. Selain itu, dalam tempoh kajian ini, pekerjaan tradisional yang lain kurang stabil. Pekerjaan dalam seni kerja tangan Melayu misalnya, sedang

¹ R. O. Winstedt. 1961. *The Malays: A Cultural History*. London: Routledge & Regan Paul, hlm. 124.

² S. Selvadurai. 1972. *Padi Farming in West Malaysia*. Kuala Lumpur: Kementerian Pertanian dan Perikanan, hlm. 1.

³ Zaharah Hj. Mahmud, "The Period and the Nature of "Traditional" Settlement in the Malay Peninsular", *Journal of Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 43(I) 1970, hlm. 81-113.

berhadapan dengan krisis kerana kemerosotan permintaan lantaran saingan sengit daripada kesenian moden yang lebih dianggap sesuai dengan zaman.

Sejak zaman-berzaman, tanaman padi adalah sinonim dengan Kelantan. Pada abad ke 19 dan awal abad ke-20 Kelantan menghasilkan lebihan beras sehingga ia mampu mengeksportnya ke Singapura dan Terengganu. Terdapat empat jenis padi yang ditanam oleh penduduk di negeri Kelantan pada masa itu, iaitu, padi sawah, padi huma, padi tugal dan padi musim pendek. Namun begitu, jumlah beras yang dihasilkan mulai tidak mencukupi pada 1911. Permintaan beras naik mendadak disebabkan kemasukan ramai pekerja estet di Kelantan. Mereka bekerja di estet yang dibuka oleh British selepas penjajahan Kelantan pada 1909. Lantaran itu, pada 1911, Kelantan hanya mampu mengesport beras dalam jumlah sedikit berbanding sebelumnya.

Penanaman padi di Kelantan bergantung kepada kadar hujan terutamanya bagi padi sawah kerana padi ini ditanam di tanah datar.⁴ Sekiranya jumlah hujan terlalu sedikit, maka penanaman padi basah tidak dapat dijalankan dengan baik. Bagi penanaman padi sawah yang berhampiran dengan sungai, keadaan ini tidak menjadi satu masalah yang besar. Ini kerana penanam padi menggunakan air sungai untuk mengairi sawah mereka. Semua kerja berkaitan penanaman padi dimulakan pada bulan Ogos dan September, kemudian dituai pada Februari. Ia bertujuan untuk memastikan bahawa air yang diperlukan adalah mencukupi untuk menanam padi. Padi jenis ini memerlukan cahaya matahari dan bekalan air yang banyak⁵ Para pesawah memberikan perhatian khusus kepada kadar air kerana air mempengaruhi kualiti padi yang dihasilkan.

Selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, penduduk Kelantan masih lagi menjalankan kegiatan pertanian iaitu penanaman padi basah sebagai kegiatan utama mereka. Bagi meningkatkan penanaman padi basah selepas merdeka kerajaan telah mengadakan rancangan pengairan, iaitu lebih ditumpukan kepada sawah-sawah lama untuk meningkatkan pengeluaran padi. Hal ini kerana untuk membuat pengairan di kawasan baru perlu mengambil masa yang lama. Mulai tahun 1958-1959, Pejabat Pertanian Negeri Kelantan telah memperkenalkan tanaman padi sawah dua kali semusim *double cropping*. Keluasan sawah padi di Kelantan hampir satu perlima daripada keluasan sawah padi di seluruh Semenanjung Malaysia.⁶ Pada tahun 1960, jumlah ladang sawah padi yang terdapat di Kelantan ialah 20 554 ekar (29 peratus) dan meningkat kepada 188 390 ekar (36.3 peratus) pada tahun 1966.⁷ Data ini memperlihatkan bahawa padi adalah nadi utama kegiatan pertanian di Kelantan.

Di peringkat nasional, pertanian padi di Malaysia melalui pelbagai perkembangan selepas merdeka. Rancangan Malaysia Pertama (RMP) 1966-1970 menekankan kepentingan perlaksanaan tanaman padi dua kali setahun.⁸ Bagi menggalakkan perkembangan penanaman padi, bantuan benih percuma sebanyak empat gantang bagi setiap satu ekar yang diusahakan

⁴ John Gullick & Bruce Gale. 1986. *Malaysia: Its Political and Economic Development*. Selangor: Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd., hlm. 172.

⁵ Chah Kong Tye & Chan Sau Chan. 1994. *Siri Kenali Alam FRIM-PFB: Kegiatan Ekonomi*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd., hlm. 2.

⁶ S. Selvadurai. 1972. *Padi Farming in West Malaysia*. Kuala Lumpur: Kementerian Pertanian dan Perikanan. hlm. 13.

⁷ 2007/0005491. Penerangan keluasan tanaman dan pengeluaran hasil padi bagi negeri Kelantan pada tahun 1961-1975. hlm. 44

⁸ Surtahman Kasim Hasan, Zulkifli Senteri & Zaimah Derawi. 1997. *Sektor Pertanian: Ke Arah Pembentukan Negara Perindustrian*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka Hlm. 30.

oleh pesawah diberikan secara percuma. Keutamaan diberikan kepada mereka yang melaksanakan tanaman padi dua kali setahun buat kali yang pertama.⁹ Memandangkan padi sawah ditanam dalam kawasan yang mudah dibanjiri dengan air, maka rancangan tali air turut diberikan perhatian.

Setelah pengenalan penanaman padi dua kali setahun, berlaku peningkatan dalam keluasan tanah yang ditanam dengan padi di Kelantan. Jelasnya, para pesawah lebih tertarik untuk mengusahakan tanaman padi berpandukan cara pertanian moden. Ia mendorong kepada peningkatan pengeluaran padi dalam kalangan pesawah kecil di Kelantan. Hasil daripada penambahan jumlah keluasan tanah padi selepas pengenalan sistem penanaman dua kali setahun serta penggunaan benih padi yang lebih baik pengeluaran padi meningkat daripada 1.65 juta tan pada 1970 kepada 1.8 juta tan pada tahun 1972.¹⁰ Produktiviti ini juga meningkat kerana komitmen kerajaan yang menyediakan subsidi baja kepada pesawah. Penggunaan baja tiruan membantu pesawah untuk meningkatkan hasil pengeluaran padi mereka dari semasa ke semasa. Kerajaan memberikan bantuan baja ini secara percuma kepada pesawah yang memerlukannya.

Selain daripada bantuan berkaitan pertanian, para pesawah juga diberikan kemudahan untuk pengurusan kewangan. Di samping bahan pertanian seperti baja dan seumpamanya, pesawah diberikan khidmat nasihat dengan tujuan untuk membantu mereka untuk menjalankan kegiatan pertanian dengan baik. Ia disalurkan melalui khidmat koperasi dan khidmat lain berkaitan pemasaran. Khidmat berkaitan pemasaran adalah kritikal kerana ia membantu pesawah merancang dan mendapatkan bahan berkualiti bagi kerja-kerja pertanian yang mereka jalankan. Di samping itu, panduan dalam pemasaran hasil memastikan para pesawah tidak mengalami kerugian dan memasarkan hasil pertanian mereka dalam kadar harga yang bertepatan dengan kadar pasaran semasa. Semua ini dilaksanakan di bawah Rancangan Malaya Kedua (RMK2) 1961-1965 yang menetapkan halatuju bahawa kerajaan ingin memberi tumpuan untuk menyediakan lebih banyak kemudahan asas di kawasan luar bandar.¹¹ Secara ringkasnya, pendekatan dan komitmen pihak kerajaan pusat dalam memajukan pertanian di peringkat memberi kesan secara langsung kepada perkembangan pertanian padi di Kelantan selepas merdeka. Namun begitu, perkembangan ini tidak bermakna penanaman padi semakin popular. Golongan muda lebih tertarik untuk berpindah ke kawasan bandar dan mencari pekerjaan makan gaji yang dianggap lebih berprestij berbanding menjadi petani atau pesawah. Lantaran itu, keluasan tanah yang ditanam dengan padi berkurangan pada era 1970-an berbanding sebelumnya. Peluang pekerjaan di bandar besar khususnya dalam 1980-an menyebabkan ramai berhijrah mencari pekerjaan di luar negeri Kelantan.¹² Perbincangan seterusnya menelesuri perkembangan perusahaan padi di Kelantan sepanjang tempoh penyusunan semula ekonomi pada 1970-1990.

⁹ *Rancangan Lima Tahun Malaysia Pertama 1966-1970*, Bil. J.P.KN. 1066/II/(1), hlm. 2.

¹⁰ Samuel Bassey Okposin, Abdul Halim Abdul Hamid & Ong Hwang Boon. 2003. *Perubahan Fasa Ekonomi Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., hlm. 152

¹¹ Zaid Ahmad et al. 2006. *Hubungan Etnik Di Malaysia*. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd., hlm, 88.

¹² Haryati Hasan, "Kegiatan Ekonomi di Kelantan, 1950-an hingga 1970-an". *Jurnal Sains Sosial dan Kemasyarakatan*, 6/3 (1985): 98-110, <http://ejournal.upsi.edu.my/index.php/PERS/article/download/167/7/1214>.

Perkembangan Penanaman Padi di Kelantan (1970-1980)

Semasa pengenalan Dasar Ekonomi Baru (DEB), kerajaan Kelantan memberikan perhatian untuk meningkatkan taraf ekonomi terutamanya dalam sektor pertanian. Sehubungan itu, penanaman padi pada 1970 hingga 1980 di Kelantan menunjukkan berlakunya perkembangan hasil daripada usaha kerajaan dalam mengekalkan penanaman padi sebagai tanaman utama di Kelantan. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Pertama (RMP) 1966-1970, matlamat pembangunan pertanian termasuklah menambah pengeluaran dan guna tenaga sektor pertanian melalui pembukaan tanah, meningkatkan pengeluaran pertanian, mewujudkan industri asas tani dan mempelbagaikan keluaran pertanian.¹³ Pengenalan DEB juga mendorong perkembangan industri pertanian. Industri penanaman padi telah banyak terkesan daripada usaha yang dijalankan di bawah RMP dan DEB.

Cabaran utama bagi pesawah adalah penanaman padi melibatkan kos yang tinggi. Pesawah perlu mengambil langkah yang sesuai bagi mengurangkan kos yang mereka perlu tanggung. Secara umumnya, sebarang usaha untuk mengurangkan kos pengeluaran tanaman padi memerlukan kawalan dan perhatian besar terhadap empat bahagian kos yang terbesar, iaitu penyediaan sawah, mencedung atau menanam, menuai serta kos baja dan racun. Kos bagi aktiviti cedungan meliputi 17 peratus daripada jumlah kos pengeluaran sehektar. Sementara itu kerja penyediaan sawah dan menuai dapat dijalankan dengan menggunakan jentera yang lebih berkesan.¹⁴ Kos baja dan racun tidak begitu merungsingkan para pesawah kerana mereka boleh memohon subsidi daripada kerajaan. Justeru, kos yang sukar untuk dikurangkan ialah kos menanam itu sendiri. Salah satu cara yang boleh dilakukan ialah dengan menanam secara tabur terus (*direct seeding*).

Biasanya, padi ditanam dengan menabur benih dalam tapak semaian. Ia kemudiannya dialih ke bendang sama ada menggunakan tangan atau kuku kambing setelah semaian berumur lebih kurang sebulan. Cara ini melibatkan lebih banyak tenaga pekerja terutamanya semasa mencabut dan mengubah atau menanam anak benih di bendang. Benih padi ditabur terus ke bendang dan tidak diubah sehinggalah padi tersebut mengeluarkan hasil. Walau bagaimanapun, tidak semua kawasan sesuai dan boleh ditanam secara tabur terus. Penanaman padi secara tabur terus hanya sesuai di kawasan yang mempunyai potensi bagi penggunaan jentera dengan meluas dan sawah yang berpetak besar.¹⁵ Hal ini kerana dalam sistem tabur terus, penggunaan jentera adalah penting terutamanya bagi kerja-kerja menabur dan menuai. Kawasan yang mempunyai sistem pengairan yang sempurna adalah perlu kerana kawalan air penting bagi tanaman secara tabur terus.

Terdapat empat teknik taburan¹⁶ antaranya melalui cara tabur (*broadcasting*). Cara ini dilakukan dengan menabur terus menggunakan tangan ke dalam sawah. Teknik ini agak susah terutamanya apabila benih telah tumbuh, di mana kerja-kerja kawalan rumpai sukar dilakukan. Kerja-kerja menuai pula mesti dijalankan menggunakan jentera. Sementara itu, cara tabur terbatas pula mempunyai sedikit persamaan dengan cara tabur terus, namun cara ini ditabur terbatas kepada kawasan yang mempunyai empat meter lebar dan satu meter pemisah bagi laluan untuk pengawalan. Menuai mestilah menggunakan jentera, sebaliknya menabur boleh

¹³ Lihat bab 1. RMK. <https://www.epu.gov.my/ms/pembangunan-ekonomi/rancangan-pembangunan/rmk/rancangan-malaysia-pertama-rmke-1-1966-1970>. Diakses pada 19/1/2021. hlm 2.

¹⁴ Ibid.

¹⁵ Ibid.

¹⁶ Masri Muhammad, "Pertanian: Tanaman padi secara tabur terus", Dewan Rakyat, 15 Februari 1984, jilid 22 Bil. 2, Hlm. 33.

dibuat dengan menggunakan tangan atau jentera. Selain itu, Teknik seterusnya ialah cara tabur berjalur. Benih padi ditabur secara berjalur dan jarak antara jalur ialah lebih kurang 30 sentimeter. Cara ini juga boleh dibuat dengan menggunakan tangan atau jentera. Bagi cara tabur bertompok (*spot placement*) pula, benih padi iaitu antara tiga hingga empat biji ditabur setempat dan jarak antara tempat tersebut ialah 30 sentimeter.¹⁷ Tanaman padi secara tabur terus memberikan nafas baru kepada pesawah padi di Kelantan terutamanya pada akhir peringkat pertama ini, iaitu pada 1980.

Namun begitu, perkembangan pada peringkat pertama ini pada mulanya kurang memberangsangkan. Menurut laporan tahunan yang dikeluarkan oleh Jabatan Pertanian Negeri Kelantan pada tahun 1972, aktiviti penanaman padi bagi musim 1972 dan 1973 adalah 195,216 hektar tanah yang telah diusahakan.¹⁸ Namun, hanya 193,584 ekar sawah yang dapat dipotong dan jumlah ini menunjukkan peningkatan daripada hasil tahun sebelumnya. Bagi aktiviti penanaman padi di luar musim juga mendapat sambutan daripada penduduk setempat terutamanya para pesawah di jajahan Kota Bharu, Pasir Mas, Bachok dan Pasir Puteh. Sebanyak 3,654 relong sawah padi berjaya diusahakan bagi penanaman padi di luar musim ini.¹⁹ Dalam musim ini, pendapatan agak rendah sedikit kerana serangan daripada tikus dan ulat batang namun keadaan ini dapat dikawal oleh itu hanya sedikit sahaja pengurangan namun pada musim ini hasil masih lagi menunjukkan peningkatan.

Pada tahun berikutnya iaitu tahun 1973, keluasan tanah yang diperuntukkan bagi penanaman padi yang direkodkan adalah sebanyak 196,516 ekar tanah. Manakala kawasan penanaman padi yang berjaya dituai pula adalah sebanyak 192,532 ekar.²⁰ Hasil penuaian padi yang berkurang ini adalah disebabkan oleh kemusnahan pokok padi akibat penyakit dan juga bencana alam seperti ribut.²¹ Sementara itu, bagi penanaman padi di luar musim pula menunjukkan hasil yang memberangsangkan setiap tahun. Bagi tahun 1974 dan 1975, keluasan penanaman padi adalah seluas 197,696 ekar di mana daerah Pasir Mas mencatatkan jumlah penanaman padi yang tertinggi iaitu 98,738 relong. Peningkatan kepada pengeluaran padi menunjukkan pada musim ini tidak berlaku sebarang bencana besar ataupun serangan penyakit yang teruk. Perkembangan yang positif ini diterima baik oleh kerajaan negeri dan juga para pesawah kerana hasil pengeluaran yang banyak membawa kemajuan kepada ekonomi negeri Kelantan dan meningkatkan taraf kehidupan penduduk.

Seterusnya, pada tahun 1976, para pesawah mengalami kesukaran untuk menuai padi ekoran daripada hujan turun dengan lebatnya yang bermula dari bulan Januari hingga bulan Mac. Fenomena hujan lebat ini menyebabkan proses penuaian padi pada musim itu menjadi rumit sehinggakan meningkatnya harga upah menuai padi. Tambahan lagi, hasil padi semakin berkurangan dan harga padi pula lenih rendah daripada biasa. Keadaan ini telah menyebabkan ramai pesawah mengalami kerugian yang besar.²² Masalah hujan sering kali menyebabkan kerugian kepada pesawah. Selain daripada paras air yang meningkat ia juga hujan lebat dalam tempoh yang lama menyebabkan berlakunya masalah banjir. Musibah banjir menyebabkan kemusnahan hasil tanaman dan menyebabkan pesawah yang terkesan terpaksa menanggung kerugian akibat dari masalah ini.

¹⁷ Ibid. hlm. 34

¹⁸ *Laporan Tahunan Pertanian Negeri Kelantan*. 1972. hlm. 6.

¹⁹ Ibid. hlm. 6.

²⁰ *Laporan Tahunan Jabatan Pertanian Negeri Kelantan*. 1973. hlm. 4

²¹ Ibid. hlm. 4.

²² *Laporan Tahunan Jabatan Pertanian Negeri Kelantan*. 1977. hlm. 2

Penanaman padi di luar musim bermula pada awal bulan April dan berakhir pada bulan Julai.²³ Sepanjang tempoh ini pesawah tidak menghadapi risiko kenaikan paras air ekoran hujan berterusan atau banjir, tetapi sawah akan bermsalah ekoran kekurangan air. Sehubungan itu, setiap tahun, pada April-Julai, hanya 12,267 ekar sahaja yang dapat diusahakan oleh pesawah di Kelantan. Bekalan air yang rendah menyebabkan saliran air tidak dapat membawa air ke semua tanah sawah yang ada. Selain masalah kekurangan air, pesawah terpaksa berhadapan dengan serangan serangga perosak. Serangga perosak menyebabkan lima peritus daripada padi yang ditanam musnah. *Laporan Tahunan Jabatan Pertanian Negeri Kelantan* mencatatkan hanya 11,681 ekar padi sahaja yang dapat dituai hasilnya. Hasil yang diperolehi sebanyak 4,305,717 gantang (anggaran sebanyak 10,764.29 tan).²⁴

Fenomena hujan lebat berulang pada tahun 1977 dan ia sekali lagi menyebabkan proses menuai padi menjadi tergendala. Hal ini menyukarkan para pesawah untuk mengutip hasil padi. Malah, akibat hujan turun dengan lebatnya, banjir besar melanda beberapa daerah di Kelantan seperti Pasir Puteh, Tanah Merah, Pasir Mas, Jeli, dan Rantau Panjang.²⁵ Padi yang berjaya dituai pada musim ini hanyalah 191,905 ekar sahaja daripada keluasan penanaman padi seluas 198,845 ekar.²⁶ Ini bermaksud lebih kurang lima peritus padi yang ditanam di Kelantan tidak dapat dituai hasilnya. Perkara yang sama terjadi dalam penanaman padi di luar musim pada tahun berkenaan. Lebih sepuluh peratus daripada kawasan padi yang ditanam tidak dapat dituai hasilnya. *Laporan Tahunan* mencatatkan padi yang ditanam dalam 13,641 ekar tanah tidak dapat dituai sepenuhnya. Sawah yang membawa hasil hanyalah 12,268 ekar sahaja.²⁷

Aktiviti penanaman padi pada tahun 1978 agak berbeza berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya kerana keadaan cuaca dilaporkan panas dan kuantiti hujan yang turun juga adalah kurang. Keadaan cuaca yang baik membolehkan jumlah penanaman padi meningkat dengan ketara. Pesawah berjaya menuai padi yang ditanam di sawah seluas 189,720 ekar tanah. Namun begitu, mereka masih perlu berhadapan dengan ancaman dan kerosakan akibat daripada serangan makhluk atau serangga perosak.²⁸ Namun begitu, keluasan penanaman padi sawah pada musim kedua (luar musim) bagi tahun 1978 menunjukkan peningkatan sebanyak 653 hektar. Ia berikutan daripada pembukaan kawasan tanaman baharu di beberapa buah daerah seperti di daerah Pasir Mas dan Bachok. Sehubungan itu, jumlah keseluruhan kawasan penanaman padi di Kelantan meningkat kepada 199,498 ekar. Namun begitu, 855 ekar tidak beroperasi dan kerajaan Kelantan merekodkan bahawa jumlah tanah yang menjalankan penanaman padi adalah sebanyak 198,643 ekar sahaja.²⁹

Pada tahun 1979 pula, keadaan cuaca yang begitu baik telah membantu meningkatkan hasil tanaman padi. Keadaan cuaca yang tidak terlalu panas dan hujan yang turun tidak terlalu lebat amat sesuai bagi para pesawah untuk mengusahakan sawah mereka. Keadaan ini telah memudahkan para pesawah untuk menanam dan menuai hasil padi mereka tanpa ada halangannya. Keluasan kawasan tanaman padi yang dicadangkan pada musim ini adalah 199,831 ekar dan ini menunjukkan lebih kawasan tanaman padi sebanyak 106 ekar.³⁰

²³ Ibid. hlm. 2.

²⁴ Ibid

²⁵ Ibid. hlm. 4

²⁶ Ibid. hlm. 6.

²⁷ *Laporan Tahunan Jabatan Pertanian Negeri Kelantan*. 1978. Hlm. 5

²⁸ Ibid. Hlm. 10

²⁹ Ibid. hlm. 12

³⁰ *Laporan Tahunan Jabatan Pertanian Negeri Kelantan*. 1980. Hlm. 2

Namun atas halangan komitmen, pesawah padi di Kelantan hanya mengusahakan sebanyak 199,725 sahaja pada tahun berkenaan.

Secara kesimpulannya, perkembangan penanaman padi di Kelantan bertambah baik sepanjang dekad 1970-an. Masalah hujan, banjir dan juga kekurangan air yang menyelubungi pesawah berkurangan sejak 1976. Cuaca mempengaruhi produktiviti pertanian padi. Ancaman serangga perosak agak minimal kesannya berbanding kerugian yang disebabkan oleh cuaca.

Perkembangan Penanaman Padi, 1980-1990

Perkembangan positif pada penghujung 1970-an memberi kesan kepada aktiviti penanaman padi pada awal 1980-an. Pada musim awal tanaman padi pada 1980 keluasan tanaman padi adalah sebanyak 201,031 ekar dan daripada jumlah ini, seluas 200,248 hektar sahaja yang berjaya ditanam.³¹ Manakala penanaman padi bagi luar musim pula menunjukkan peningkatan berbanding dengan tahun sebelumnya. Pada tahun ini, Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) yang banyak membantu para pesawah di negeri Kelantan khususnya dalam melaksanakan penanaman padi dua kali dalam setahun.³² KADA membina tali air yang luas untuk memberi kemudahan kepada pesawah mengairi sawah mereka. Selain itu, KADA membantu dengan beberapa jenis subsidi iaitu Skim Insentif Harga Padi, Skim Baja Subsidi Baja Padi Kerajaan, Skim Peningkatan Produktiviti Hasil Padi dan Skim Intensif Dasar Jaminan Bekalan Makanan.³³

Pada tahun 1984, kerajaan telah memperkenalkan Dasar Pertanian Negara (DPN). Pelaksanaan DPN telah dipergiatkan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima (RM5) (1986-1990).³⁴ Ia memberikan penekanan kepada program yang bertujuan untuk memperdagangkan sektor pertanian melalui peningkatan teknologi dan daya pengeluaran, meningkatkan saiz kebun melalui ladang kelompok, menekankan saiz ekonomi dan kecekapan pengurusan serta pembangunan sektor komoditi.³⁵ Antara langkah yang dirancang oleh kerajaan di bawah DPN ialah pengurangan subsidi, kecuali bagi padi, lada dan sagu. Dalam penanaman padi basah pada era DEB, penggunaan alatan berteknologi amat memainkan peranan penting.

Seterusnya, Jabatan Pertanian juga menggiatkan penggunaan jentera dalam penanaman padi. Terdapat peningkatan dalam penggunaan peralatan pertanian moden apabila alatan ini diperkenalkan kepada pesawah. Antara peralatan yang mendapat sambutan dalam kalangan mereka adalah alat menuai untuk penuaian padi dan traktor untuk mengerjakan sawah. Bagaimanapun, golongan pesawah masih mengekalkan penggunaan peralatan asas seperti cangkul dan tajak masih digunakan.³⁶ Seseengah pesawah i masih lagi menggunakan alatan tersebut bersama-sama traktor untuk menyediakan tapak semaian mereka. Dalam keadaan tertentu, pembajak juga digunakan untuk mengerjakan sawah. Pada setiap musim penanaman padi, mereka yang mempunyai pembajak ditarik oleh binatang akan membajak seberapa banyak sawah selagi belum mendapat traktor. Setelah mendapat traktor, maka traktor tersebut akan digunakan untuk menyiapkan baki sawah mereka.

³¹ Ibid. hlm. 7

³² Ibid Hlm. 11

³³ *Bahagian Pembangunan Dan Perancangan Lembaga Kemajuan Pertanian KEMUBU.*

³⁴ Lihat bab 10. RMK <https://www.epu.gov.my/ms/pembangunan-ekonomi/rancangan-pembangunan/rmk/rancangan-malaysia-kelima-rmke-5-1986-1990>. Diakses pada 19/1/2021. hlm. 296

³⁵ Ibid. hlm. 296.

³⁶ Temu bual Bersama Puan Maziah Binti Isa sebagai pesawah. Bertempat di Kampung Sungai Kelong, 16800, Pasir Puteh, Kelantan pada 26/9/2020.

Pesawah menggunakan traktor untuk membajak sawah mereka. Penggunaan traktor sama ada traktor tolak atau traktor besar digunakan dengan meluas kerana traktor ini sesuai dengan sistem pertanian yang digunakan oleh para pesawah di Kelantan. Tambahan pula, melalui penggunaan traktor kerja boleh diselesaikan dengan segera. Penjimatan waktu memudahkan para pesawah kerana pusingan jadual kerja mereka yang singkat disebabkan penanaman padi dilakukan dua kali setahun. Di samping itu, penggunaan traktor membolehkan pesawah menjimatkan kos buruh dan mengelakkan masalah berkaitan buruh yang berpotensi mengganggu kelancaran jadual penanaman padi yang telah ditetapkan.

Selain itu, penggunaan traktor juga mendapat sambutan para pesawah kerana pengenalan khidmat traktor sewa oleh pengusaha persendirian dan juga agensi kerajaan.³⁷ Para pesawah yang tidak mempunyai kemampuan membeli atau mengendalikan traktor boleh menggunakan khidmat traktor sewa dengan mengendalikan sendiri atau mengupah individu lain untuk mengendalikan traktor tersebut di sawah mereka. Namun begitu, di sebalik penggunaan traktor yang meluas, sesetengah pesawah masih menggunakan pembajak yang ditarik oleh binatang di samping perkhidmatan traktor. Golongan pesawah ini menyusun jadual kerja mereka berasaskan kepada jadual yang diselaraskan dengan penyewa traktor.

Ekoran penanaman padi dua kali setahun, anggapan lama bahawa penanaman padi ialah suatu budaya mula di kesampingkan. Para pesawah kini menumpukan kepada kegiatan komersil dan menghasilkan pengeluaran padi untuk pasaran. Pesawah mula menanam padi yang dapat memberikan hasil yang tinggi dan tahan daripada serangga serta serangan penyakit.

Faktor Perkembangan Padi, 1970-1990

Polisi dan pendekatan yang dilaksanakan oleh kerajaan pusat memberi kesan yang positif kepada perkembangan penanaman padi di Kelantan. DEB dilaksanakan bermula semasa pelaksanaan Rancangan Malaysia Kedua (RMK2) pada 1971-1975 dan dilanjutkan sehingga Rancangan Malaysia Kelima (RMK5) yang dijalankan sepanjang 1985-1990. Secara umumnya, DEB dirancang untuk tempoh 20 tahun bagi meningkatkan integrasi antara kaum yang berbeza status dan kedudukan ekonomi mereka. Bagi mengurangkan ketidakseimbangan yang begitu besar, langkah tegas perlu diambil dan salah satu dari pendekatan yang digunakan adalah melalui sektor pertanian.³⁸ Dalam hal ini, Kelantan mendapat manfaat secara tidak langsung.

Faktor kedua yang menyebabkan perkembangan penanaman padi di Kelantan semakin meningkat adalah kemajuan teknologi. Corak penanaman padi dalam tempoh ini menunjukkan perkembangan yang positif kerana kejayaan pelaksanaan penanaman padi dua kali setahun. Faktor ketiga adalah kejayaan untuk menangani cabaran dan isu yang melanda pesawah khususnya berkaitan serangan makhluk perosak serta penyakit yang menyebabkan kerugian kepada pesawah dan menurunkan keluaran hasil padi.

Kegiatan penanaman padi memerlukan pegawalan dan penjagaan yang rapi. Daripada mula benih padi ditabur sehinggalah padi dituai ia memerlukan pemantuan dan penjagaan yang rapi. Meskipun para pesawah mengambil pelbagai langkah bagi mengekang pokok padi daripada serangan musuh, tetapi terdapat juga serangan serangga perosak, tikus, kesing, ulat batang dan

³⁷ Ibid

³⁸ Zainal Abidin Wahid. 1996. *Malaysia: Warisan dan Perkembangan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 394.

penyakit pokok padi yang masih tetap berlaku. Perkara ini telah menyebabkan para pesawah menanggung kerugian besar apabila tibanya musim menuai padi.

Antara haiwan perosak yang mendatangkan banyak kerugian kepada pesawah adalah tikus, haiwan ini tidak seperti haiwan perosak lain kerana ia merosakkan padi sejak dari awal benih ditabur di tapak semaian sehinggalah ke peringkat padi itu masak serta sehingga ke tempoh simpanan padi juga tikus masih lagi boleh mendatangkan masalah kepada industri penanaman padi. Pada peringkat serangan awal di tapak semaian padi, tikus memakan benih-benih yang baru ditabur dan mengerit batang- batang semaian. Manakala di bendang pula tikus akan mengerit dan memakan ketika buah padi masak. Seterusnya di tempat simpanan tikus juga akan memakan padi yang disimpan, masalah tikus ini ternyata amat serius dan perlu ditangani.

Sehubungan itu, pada tahun 1973 satu cawangan khas ditubuhkan oleh Jabatan Pertanian jajahan Kota Bharu bagi membasmi tikus daripada merosakkan tanaman padi. Jabatan Pertanian Kota Bharu telah membelanjakan lebih kurang \$2,000 bagi tujuan ini.³⁹ Kaedah yang digunakan adalah dengan meletakkan racun tikus di kawasan bendang padi. Melalui rancangan ini ia telah dapat membunuh lebih kurang 20,000 ekor tikus ini menunjukkan kerbekesanan cawangan khas ini dalam membasmi musuh utama padi membuahkan hasil. Ia banyak membantu pesawah dalam menangani masalah tikus, usaha dari kerajaan ini telah banyak membantu kesusahan yang dihadapi oleh para pesawah yang terjejas oleh masalah haiwan perosak.

Faktor keempat adalah tindakan proaktif daripada agensi yang bertanggungjawab. Masalah banjir juga menyebabkan kerugian kepada pesawah. Walau bagaimanapun, dengan bantuan daripada Jabatan Pertanian dan agensi kerajaan seperti KADA dan MARDI, kerugian tersebut dapat ditampung. Antara bantuannya adalah dari segi teknologi dan juga inovasi dalam aspek peralatan untuk menanam padi. Selain itu terdapat juga penyelidikan dijalankan dan berhasil menemukan jenis benih baharu yang membantu meningkatkan hasil; pengeluaran padi di Kelantan. Perkembangan ini jelas menunjukkan bahawa peranan kerajaan dalam membantu pesawah untuk mengusahakan tanaman padi amat penting dan melalui usaha sama ini membolehkan perkembangan ini terus meningkat dari semasa ke semasa.

Penutup

Ringkasnya, penanaman padi sepanjang tempoh kajian menunjukkan perubahan dari segi perkembangan. Dari tempoh 1970 hingga 1980 penanaman padi di Kelantan masih lagi pada peringkat awal perkembangan kerana pengenalan kepada teknik penanaman dua kali setahun telah mula menunjukkan kesan kepada pertambahan hasil padi. Selain itu, perkembangan teknologi juga masih lagi pada peringkat percubaan dan belum digunakan secara meluas kerana ia masih lagi pada peringkat awal. Disamping itu, berlaku juga masalah seperti banjir, serangan penyakit dan masalah haiwan perosak membantutkan pengeluaran hasil padi. Namun dalam tempoh tahun 1981 hingga 1990 berlakunya perubahan yang signifikan dimana peranan agensi pertanian seperti KADA mula menunjukkan hasilnya dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh petani seperti masalah banjir dan penyakit. Selain itu, Jabatan Pertanian Kelantan juga telah mula memperkenalkan penggunaan teknologi dalam penanaman padi seperti menggunakan jentera pembajak untuk menggantikan kerbau, selain itu teknik penanaman padi juga berubah untuk meningkatkan lagi hasil pengeluaran padi dalam tempoh

³⁹ *Laporan Setengah Tahun Jabatan Pertanian Kelantan*. 1973. Hlm. 4.

ini. Jelaslah dapat dilihat dalam tempoh tahun 1980 hingga 1990 perkembangan penanaman padi di Kelantan menunjukkan peningkatan positif dimana masalah-masalah yang berlaku dalam tempoh sepuluh tahun sebelum dapat diatasi melalui peranan agensi kerajaan dan juga perkembangan teknologi dalam industri penanaman padi.

Penghargaan

Penulis ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada pihak Jabatan Pertanian Negeri Kelantan banyak membantu penulis mencari sumber dan data berkaitan dengan dengan tajuk kajian ini. Penghargaan juga ingin ditujukan kepada kakitangan Arkib Negara Malaysia cawangan Kelantan yang turut membantu penulis dalam mendapatkan sumber primer bagi kajian ini.

Bibliografi

- 2007/0005491. Penerangan keluasan tanaman dan pengeluaran hasil padi bagi negeri Kelantan pada tahun 1961-1975.
- Chah Kong Tye & Chan Sau Chan. 1994. *Siri Kenali Alam FRIM-PFB: Kegiatan Ekonomi*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd
- Haryati Hasan, "Kegiatan Ekonomi di Kelantan, 1950-an hingga 1970-an". *Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 6/3 (1985): 98-110, diakses dari <http://ejournal.upsi.edu.my/index.php/PERS/article/download/1677/1214>.
- John Gullick & Bruce Gale. 1986. *Malaysia: Its Political and Economic Development*. Selangor: Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd
- Laporan Setengah Tahun Jabatan Pertanian Kelantan. 1973
- Laporan Tahunan Jabatan Negeri Kelantan. 1978
- Laporan Tahunan Jabatan Pertanian Negeri Kelantan. 1977
- Laporan Tahunan Jabatan Pertanian Negeri Kelantan. 1980
- Laporan Tahunan Jabatan Pertanian Negeri Kelantan. 1973
- Laporan Tahunan Pertanian Negeri Kelantan. 1972
- Masri Muhammad, "Pertanian: Tanaman padi secara tabur terus", Dewan Rakyat, 15 Februari 1984, 22 (2),
- R. O. Winstedt. 1961. *The Malays: A Cultural History*. London: Routledge & Regan Paul
- Rancangan Lima Tahun Malaysia Pertama 1966-1970, Bil. J.P.KN. 1066/II/(1).
- Rancangan Malaysia Pertama <https://www.epu.gov.my/ms/pembangunan-ekonomi/rancangan-pembangunan/rmk/rancangan-malaysia-pertama-rmke-1-1966-1970>. Diakses pada 19/1/2021.
- S. Selvadurai. 1972. *Padi Farming in West Malaysia*. Kuala Lumpur: Kementerian Pertanian dan Perikanan
- Samuel Bassey Okposin, Abdul Halim Abdul Hamid & Ong Hwang Boon. 2003. *Perubahan Fasa Ekonomi Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd
- Surtahman Kasim Hasan, Zulkifli Senteri & Zaimah Derawi. 1997. *Sektor Pertanian: Ke Arah Pembentukan Negara Perindustrian*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Temu bual Bersama Puan Maziah Binti Isa sebagai pesawah. Bertempat di Kampung Sungai Kelong, 16800, Pasir Puteh, Kelantan pada 26/9/2020.
- Zaharah Hj. Mahmud, "The Period and the Nature of "Traditional" Settlement in the Malay Peninsular", *Journal of Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 43(I) 1970, hlm. 81-113.

- Zaid Ahmad et al. 2006. *Hubungan Etnik Di Malaysia*. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd., hlm, 88.
- Zainal Abidin Wahid. 1996. *Malaysia: Warisan dan Perkembangan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka